

SI  
R B928 AAB

MAHATHIR-SELATAN  
DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

I

CARACAS, 2 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGGESA NEGARA-NEGARA SELATAN SUPAYA MERUMUSKAN STRATEGI BERSAMA DALAM BERURUSAN DENGAN UTARA DAN BERUSAHA BERSAMA UNTUK MERUNDINGKAN KEWUJUDAN SUASANA EKONOMI DUNIA YANG LEBIH BAIK.

KE ARAH MATLAMAT INI, NEGARA-NEGARA ITU PERLU MENYELARASKAN DASAR-DASAR MEREKA MENGENAI SEGALA ISU YANG DIHADAPI.

+JIKA TIDAK, SAYA KHUATIR SEMUA USAHA KITA BAGI MENJUKUKAN KERJASAMA DUA HALA TIDAK AKAN MENDATANGKAN BANYAK HASIL,+ KATA BELIAU PADA MAJLIS MAKAN MALAM BAGI MERAIKAN BELIAU, YANG DIBERIKAN OLEH PRESIDEN VENEZUELA, CARLOS ANDRES PEREZ DI KEDIAMAN RASHINYA, LA CASONA, DI SINI.

PERDANA MENTERI YANG DALAM RANGKA LAWATAN RASMI LIMA HARI KE VENEZUELA, BERKATA PERUBAHAN BESAR YANG DISAKSIKAN OLEH DUNIA DALAM BEBERAPA BULAN LEPAS DAN MEMBAWA KEPADA PENAMATAN PERMUSUHAN ANTARA KUASA-KUASA BESAR, MENJANJIKAN MASA DEPAN YANG LEBIH AMAN.

BAGAIMANAPUN BELIAU TIDAK PASTI SAMA ADA INI AKAN MENIMBULKAN SUASANA YANG LEBIH BAIK JUGA BAGI SELATAN. -- LAGI  
0954MST 02 08 90

R B929 AAB

MAHATHIR-SELATAN 2 CARACAS

+SATU PERKARA YANG KELIHATAN IALAH, KERUNTUHAN KUASA SOVIET TELAH MELETAKKAN NEGARA-NEGARA UTARA YANG MAJU DALAM PERINDUSTRIAN ITU, DALAM KEADAAN YANG MEMBOLEHKAN MEREKA MENGENAKAN KEPENDAH POLITIK DAN EKONOMI MEREKA SENDIRI KE ATAS YANG LAIN.+

+BANTUAN EKONOMI DAN KEMUDAHAN UNTUK MEMASUKI PASARAN SEMAHIN KUAT TERIKAT KEPADA OBJEKTIF POLITIK DAN KERAP-KALI KEPADA KEPERLUAN EKONOMI UTARA,+ KATA BELIAU.

PADA MASA YANG SAMA, TAMBAHNYA, DUNIA NAMPAKNYA SEDANG BERGERAK DARIPADA PERANG DINGIN KEPADA PERJUANGAN EKONOMI DUNIA.

NEGARA-NEGARA MAJU BERAZAM UNTUK MENGGUNAKAN SEGALA CARA YANG TERMAMPU OLEH MEREKA UNTUK MENGHALANG PERUBAHAN BERMAKNA YANG PERLU DALAM EKONOMI DUNIA, JIKA SELATAN HENDAK MENGATASI MASALAH EKONOMINYA.

KATA BELIAU: +KUOTA, HALANGAN BUKAN TARIF, AMALAN DEMOKRASI, REKOD HAK ASASI MANUSIA, KADAR PERTUKARAN, ALAM SEKITAR, HARTA INTELEK, LAYANAN TERHADAP PENDATANG HARAM, PENGELASAN NEGARA, SEMUANYA DIGUNAKAN UNTUK MENGACAU PERTUMBUHAN EKONOMI DI SELATAN.+

+NAMUN BEGITU, APABILA SEGALA ITU BERLAKU DI UTARA, IA BOLEH DITERIMA PULA,+ KATA BELIAU. -- LAGI

0956MST 02 08 90

R B930 AAB  
MAHATHIR-SELATAN 3 CARACAS

MENGENAI HUBUNGAN DUA HALA ANTARA MALAYSIA DAN VENEZUELA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA HUBUNGAN DIPLOMATIK ANTARA KEDUA-DUA NEGARA ITU MASIH PADA PERINGKAT AWAL, SETELAH DITUBUHKAN TAHUNYA PADA 1966.

SELAIN DARIPADA JARAKNYA YANG JAUH, KEDUA-DUA NEGARA ITU JUGA MEMPUNYAI LATAR BELAKANG KEBUDAYAAN, SEJARAH DAN BAHASA YANG SANGAT BERBEZA.

NAMUN BEGITU PRESIDEN VENEZUELA ITU BUDAH MELAWAT MALAYSIA SEBANYAK DUA KALI MANAKALA LAWATAN KE VENEZUELA INI MERUJUKAN LAWATAN PERTAMA DATUK SERI DR MAHATHIR KE BENUA AMERIKA SELATAN.

+MEREKA YANG CUBA MENDAPATKAN ALASAN ATAU MUNGKIN PENJELASAN BAGI PERKEMBANGAN PERHUBUNGAN KITA, TIDAK PERLULAH MELIHAT LEBIH JAUH DARIPADA KOMITMEN KITA KEPADA KERJASAMA SELATAN-SELATAN DAN KEPADA KEPERCAYAAN BAHAWA JARAK DAN PERBEZAAN KEBUDAYAAN ATAU BAHASA TIDAK MENJADI HALANGAN KEPADA KERJASAMA UNTUK FAEDAH BERSAMA.+

BELIAU BERKATA KOMITMEN BERSAMA INI TELAH DIZAHIRKAN DENGAN TEPAT SEKALI DI KUALA LUMPUR BARU-BARU INI APABILA KEDUA-DUA NEGARA MENYERTAI NEGARA-NEGARA LAIN YANG BERFIKIRAN SERUPA UNTUK +MENGATUR HALUAN BARU BAGI KERJASAMA SELATAN-SELATAN.+

+KITA JUGA BERHASRAT UNTUK MELANGKAH LEBIH JAUH DARIPADA SEKADAR MELAFAZKAN KENYATAAN. KITA AKAN MENERUSKAN TUGAS UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM YANG PRAKTIKAL YANG AKAN MENYUMBANGKAN KEPADA USAHA KEMAJUAN KITA,+ KATANYA.

-- BERNAMA

0958MST 02 08 90